

PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6107/6095/6093 | Faks : +606 331 6296
Emel: pejabatbendahari@utem.edu.my

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 5 (B)
Rujukan Tuan (Your Ref.) :

VI Rabiulawal 1437H
23 Disember 2015

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 13/2015

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL MELALUI MODUL SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) berkaitan Penilaian Prestasi Pembekal Melalui Modul Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) yang telah dibangunkan oleh Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK).

2.0 MODUL PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL

- 2.1 Modul Penilaian Prestasi Pembekal ini diperkenalkan bagi memudahkan proses pemantauan prestasi pembekal yang telah berdaftar dalam *E-Vendor* dan juga telah melaksanakan pembekalan, perkhidmatan atau kerja di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL MELALUI MODUL SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)

- 2.2 Melalui pelaksanaan penilaian prestasi pembekal ini ianya dapat membantu Universiti dalam memastikan pembekal yang dilantik adalah pembekal yang memberikan pembekalan, perkhidmatan atau kerja yang terbaik dan berkualiti.
- 2.3 Secara keseluruhannya ia memberi kemudahan kepada staf dan Pejabat Bendahari UTeM dalam menilai kemampuan pembekal sebelum sesuatu proses pelantikan dilaksanakan.
- 2.4 Semua penilaian prestasi pembekal hendaklah dibuat melalui Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB).
- 2.5 Penilaian prestasi pembekal perlu dilakukan oleh pemohon sebelum permohonan pembayaran dilaksanakan atau pendaftaran aset dilakukan.
- 2.6 Carta alir bagi proses penilaian prestasi pembekal ditunjukkan seperti di **Lampiran I**.
- 2.7 Bersama-sama ini disertakan manual pengguna sebagai panduan penggunaan Modul Penilaian Prestasi Pembekal (Sila rujuk **Lampiran II**)
- 2.8 Maklumat ini juga boleh didapati melalui laman web Pejabat Bendahari di <http://www3.utem.edu.my/bendahari/>.

3.0 TARIKH KUATKUASA

- 3.1 Surat Pekeliling Bendahari ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Sehubungan dengan itu, penilaian prestasi pembekal perlu dilakukan secara online menggunakan Modul Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) bagi semua perolehan yang menggunakan pesanan tempatan.

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 5 (13)

Rujukan Tuan (Your Ref.) :

PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL MELALUI MODUL SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)

- 4.2 Surat Pekeliling ini akan membatalkan para 5.4.1 (iii) dalam Pekeliling Bendahari Bilangan 7/2015 berkaitan Laporan Pesanan Tempatan yang dikeluarkan perlu dihantar pada setiap bulan sebelum 10 hb.
- 4.2 Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah memastikan surat pekeling ini dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Pejabat Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KAA7/Surat Pekeling Bendahari 2015/Penilaian Prestasi Pembekal

s.k YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib
Naib Canselor

YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)


YBhg. Prof. Ir. Dr Mohd Jailani bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

YBhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL MELALUI MODUL SISTEM MAKLUMAT
KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)**

Langkah	Proses Kerja
1	Pembekalan, perkhidamantan atau kerja selesai dilaksanakan oleh pembekal.
2	Log in Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB).
3	Klik "Penilaian Prestasi".
4	Pilih maklumat Pesanan Tempatan yang ingin dinilai.
5	Masukkan skala penilaian terhadap pembekal.
6	Simpan maklumat penilaian yang telah dilakukan.
7	Proses permohonan pembelian/pendaftaran aset.

**CARTA ALIR PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL MELALUI MODUL SISTEM
MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)**



PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL

Skrin ini digunakan oleh pengguna untuk membuat penilaian prestasi bagi perkhidmatan dan perbekalan yang diberikan oleh pembekal.

- 1) Klik “Penilaian Prestasi”, skrin berikut akan dipaparkan.

Selamat Datang Ke Sistem Maklumat Keuangan Bersepadu - Internet Explorer

UtEM

BORANG PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL

NAMA : ZAINUDDIN BIN SALLEH NOSTAF : 00234

No. Pesanan Tempatan	No. Syarikat	Nama Syarikat	Tujuan	Penilaian
05/06/2015	PT0012240615	RC005418	OUJ TECH SDN BHD	
29/09/2015	PT0020990915	RC001826	TELEKOM MALAYSIA BERHAD	
29/09/2015	PT0021240915	RC005938	SIRIH QAS INTERNATIONAL SDN, BHD.	

Maklumat Pesanan Tempatan

No. PT: PT0012240615

Syarikat: RC005418 - OUI TECH SDN BHD

Tujuan: TENDER FOR SUPPLY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF PERSONAL COMPUTER BY LEASING FOR JUSAT KOMPUTER, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sila gunakan skala dibawah untuk menyatakan pandangan anda terhadap penilaian prestasi pembekal.

Kategori	Amat tidak setuju	1	2	3	4	5	Amat setuju	Penilaian
KUALITI & KEKEMASAN								
Barang/perkhidmatan dihantar mengikut spesifikasi yang dipesan.								
Hasil kerja yang dilaksanakan oleh pembekal/kontraktor.								
Barang yang dihantar dibungkus rapi oleh pembekal/kontraktor.								
Keberhasilan tempoh/wang kerja.								
PERKHIDMATAN								
Kesediaan pembekal/kontraktor memenuhi permintaan dari segi kualiti berbanding pembekal/kontraktor lain.								
Kesediaan pembekal/kontraktor untuk membekalkan barang/perkhidmatan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.								
Kesediaan pembekal/kontraktor untuk membekalkan barang/perkhidmatan dalam jangka masa yang ditetapkan.								
Kesediaan pembekal/kontraktor untuk bertukar ansur dari segi masa sekiranya pihak pemohon memerlukan barang/perkhidmatan dengan segera.								
LATHIAN/PENERANGAN								
Kesediaan pembekal/kontraktor menyediakan latihan/penerangan yang bersesuaian dengan kehendak pemohon.								
Tempoh latihan/penerangan yang dibenarkan mencukupi.								
JAMINAN PEMBEKAL/KONTRAKTOR								
Tempoh jaminan/waranti yang diberikan mencukupi.								
Pembekal membarikan kad jaminan/waranti jaminan setelah barang dibekalkan.								
Kesediaan pembekal/kontraktor menyediakan perkhidmatan selepas jualan.								
LAYANAN PEMBEKAL								
Penilaian terhadap pembekal/kontraktor dan segi sikap kerjasama yang ditunjukkan oleh pembekal/kontraktor.								
Respon terhadap pertanyaan/aduan/tejuruan.								

Simpan

Skrin Penilaian Prestasi Pembekal

- 2) Maklumat pesanan tempatan yang belum dinilai akan dipaparkan.
- 3) Klik untuk melakukan penilaian prestasi pembekal.
- 4) Maklumat pesanan tempatan yang dipilih akan dipaparkan.
- 5) Masukkan maklumat penilaian berdasarkan skala yang telah diberikan.
- 6) Klik butang Simpan untuk menyimpan maklumat penilaian prestasi pembekal.